

**NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**  
**KUMPULAN SYARIKAT KENANGA**

Di Kumpulan Kenanga (terdiri daripada Kenanga Investment Bank Berhad dan kumpulan syarikat-syarikatnya termasuk anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan), kami menghargai Data Peribadi anda dan berusaha untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda dilindungi selaras dengan undang-undang Malaysia. Keselamatan Data Peribadi anda adalah penting kepada kami dan kami akan mengekalkan langkah-langkah sesuai dari segi fizikal, teknikal dan organisasi bagi memastikan keselamatan dan kesulitan Data Peribadi anda.

Kami boleh menyimpan dan memproses Data Peribadi dalam komputer dan/atau sistem kami di mana sahaja serta dalam medium lain. Kami mungkin menyimpan Data Peribadi anda sehingga tempoh maksimum yang dibenarkan bagi tujuan perniagaan yang sah, keperluan undang-undang, peraturan dan keperluan dalaman. Kami mungkin, seiring dengan waktu, memadam rekod-rekod ini sekiranya tidak diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang.

Sesetengah halaman di laman web kami mengandungi pautan ke laman web pihak ketiga. Laman web ini ditadbir oleh pernyataan peribadi mereka sendiri dan kami tidak bertanggungjawab terhadap amalan peribadi mereka, operasi dan kandungan pautan tersebut. Anda dinasihatkan untuk menyemak pernyataan peribadi laman web tersebut sebelum memberikan apa-apa maklumat. Sila ambil perhatian bahawa komunikasi melalui Internet adalah tidak selamat. Kami tidak akan menerima sebarang tanggungjawab bagi akses yang tidak sah oleh pihak ketiga dan/atau kemungkinan kerosakan maklumat/data yang dihantar oleh mana-mana individu kepada kami melalui komunikasi internet atau melalui elektronik.

Kumpulan Kenanga akan mengumpul, memproses dan menggunakan Data Peribadi anda mengikut Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis PDP") ini. Notis PDP ini menerangkan jenis-jenis Data Peribadi yang kami kumpul dan bagaimana kami mengumpulkan Data Peribadi tersebut, bagaimana Data Peribadi tersebut digunakan, pihak-pihak yang kami dedahkan Data Peribadi kepada, pilihan yang kami sediakan dan hak anda keatas Data Peribadi anda, termasuk cara untuk mengakses dan mengemaskinikan Data Peribadi anda.

**Jenis data and maklumat yang kami kumpulkan**

Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi dan maklumat anda, termasuk dan tidak terhad kepada, maklumat untuk mengesahkan identiti dan latar belakang anda (termasuk imej anda), maklumat hubungan, data kewangan, maklumat kelayakan kredit, data lokasi, rakaman audio, dan maklumat lain yang anda berikan semasa memohon mana-mana produk dan/atau perkhidmatan kami ("Data Peribadi"). Kami mungkin mendapatkan Data Peribadi tersebut daripada anda sendiri atau dari pelbagai sumber, termasuk semasa anda memohon produk dan perkhidmatan kami; melalui hubungan anda dengan kami dan/atau rakan niaga kami; melalui peranti mudah alih anda; melalui mana-mana platform pelaburan/perkhidmatan yang telah anda langgan; daripada rakaman Sistem Televisyen Litar Tertutup (CCTV) yang dipasang di premis kami; daripada sebarang analisis cara anda menggunakan dan mengurus akaun/fasiliti dengan kami; sumber-sumber yang tersedia kepada umum atau rekod-rekod pendaftaran; pihak berkuasa kerajaan, pihak pengawalseliaan dan/atau agensi penguatkuasaan undang-undang; daripada pihak ketiga atau mana-mana sumber lain yang anda telah memberikan kebenaran untuk mendedahkan Data Peribadi dan/atau di mana tiada sekatan; dan/atau daripada sebarang maklumat yang diberikan dan/atau dikumpulkan semasa anda mengunjungi laman web kami termasuk peranti mudah alih atau alamat IP komputer anda atau daripada maklumat yang dikumpul melalui 'cookies' di sesetengah laman web kami. Kami berkemungkinan menggunakan 'cookies' untuk beberapa tujuan, termasuk menyimpan pilihan anda untuk jenis maklumat atau produk tertentu, analisis lanjut untuk tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda, meningkatkan produk kami, dan/atau menyesuaikan perkhidmatan kami kepada anda. Anda boleh mengubah tetapan pada pelayar dan/atau peranti mudah alih anda supaya anda akan diberitahu apabila anda menerima 'cookies' atau alat penjejak yang serupa. Sila rujuk kepada dokumen pelayar anda untuk memeriksa jika alat penjejak telah diaktifkan pada komputer dan/atau peranti mudah alih anda atau untuk meminta agar tidak menerima 'cookies' atau untuk melumpuhkan 'cookies' jika anda tidak mahu maklumat anda dikumpul melalui penggunaan 'cookies'.

**Penggunaan dan Pendedahan Maklumat**

Kami boleh menggunakan, memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda bagi tujuan-tujuan berikut di dalam dan/atau di luar Malaysia ("Tujuan"):

- Untuk menilai dan memproses permohonan anda untuk produk dan/atau perkhidmatan kami, termasuk untuk mengendalikan sebarang isu dan/atau pertanyaan semasa permohonan tersebut;
- Untuk mengurus dan mengekalkan akaun/fasiliti anda dengan kami;
- Untuk mengesahkan semakan kredit anda dan membantu institusi-institusi kewangan lain dalam menjalankan semakan kredit;
- Untuk menilai keperluan kewangan anda;
- Untuk pengesanan, penyiasatan, pencegahan, penuntutan jenayah atau penipuan, serta pematuhan kepada sekatan-sekatan, termasuk mengenali pelanggan anda (KYC) dan penyaringan individu yang terdedah kepada politik secara berkala (PEP);
- Untuk memenuhi keperluan proses undang-undang sivil atau jenayah, kerajaan, dan/atau badan kawal selia, serta untuk tujuan pematuhan kawal selia dan/atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan (termasuk negara-negara anggota Kesatuan Eropah);
- Untuk pengutipan hutang dan perlaksanaan obligasi anda kepada kami;
- Untuk penyelidikan pasaran dan analisis statistik serta kajian dengan tujuan menambah baik produk dan perkhidmatan kami;
- Untuk menyediakan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kami, serta produk dan perkhidmatan pihak ketiga yang mungkin menarik minat anda;
- Untuk membandingkan maklumat/data bagi memastikan ketepatan rekod kami dan mengesahkannya dengan pihak ketiga;
- Untuk penyelidikan, reka bentuk, dan penambahan produk dan perkhidmatan kami, serta proses perniagaan dan operasi kami;
- Untuk menyokong pemantauan perniagaan, kewangan, dan risiko kami, perancangan dan pengambilan keputusan;
- Untuk mengendalikan aduan dan pertanyaan;
- Untuk tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
- Untuk pemindahan atau penyerahan hak dan tanggungjawab kami di bawah sebarang perjanjian antara kami dengan anda;
- Untuk melaksanakan perkhidmatan berkongsi dalam Kumpulan Kenanga;
- Untuk penggantian kerjaperniagaan dan operasi 'back room' Kumpulan Kenanga;

- Untuk alasan keselamatan, khususnya berkenaan Data Peribadi yang dikumpul daripada rakaman CCTV yang dipasang di premis kami atau sistem pengawasan keselamatan lain;
- Untuk pemindahan, penyimpanan, dan pemprosesan Data Peribadi anda kepada pembekal perkhidmatan awan (cloud) sama ada di dalam Malaysia atau di luar Malaysia untuk menjalankan mana-mana Tujuan yang dinyatakan di dalam Notis PDP ini;
- Untuk pemindahan Data Peribadi anda kepada bidang kuasa luar negara bagi membolehkan sebarang transaksi rentas sempadan, untuk perlaksanaan kontrak, untuk tujuan prosiding undang-undang, atas permohonan secara bertulis daripada pihak berkuasa atau badan kerajaan atau asing, untuk melindungi kepentingan vital anda atau jika dalam kepentingan awam untuk berbuat demikian; dan/atau
- Untuk tujuan-tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, perintah dan/atau garis panduan.

Pendedahan Data Peribadi anda mungkin melibatkan pemindahan Data Peribadi anda ke luar Malaysia, dan dengan memberikan Data Peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dengan pemindahan sedemikian di mana ia diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan yang anda minta, dan untuk pelaksanaan sebarang obligasi kontrak anda miliki dengan Kumpulan Kenanga, termasuk untuk tujuan penyimpanan.

Adalah berkemungkinan bahawa pada masa akan datang kami boleh bergabung dengan atau diambil alih oleh syarikat lain. Jika pengambilan alih sedemikian berlaku, anda bersetuju bahawa syarikat pengganti akan memiliki akses kepada Data Peribadi anda yang diselenggarakan oleh kami, termasuk maklumat akaun, dan syarikat pengganti tersebut akan terus terikat oleh Notis PDP ini melainkan kecuali jika dan sehingga ia dipinda.

Anda mungkin juga memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan individu lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada pemohon bersama, pasangan, pihak-pihak berkaitan dan/atau orang kenalan kecemasan) untuk Tujuan. Dalam kes-kes sedemikian, anda mewakili dan menjamin bahawa anda mempunyai persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat mereka kepada kami bagi penggunaan, pendedahan dan/atau pemprosesan menurut Notis PDP ini. Di mana Data Peribadi anda telah diberikan kepada entiti Bursa (yang merangkumi Bursa Malaysia Berhad, Bursa Malaysia Securities Berhad, Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd, Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, Bursa Malaysia Derivatives Clearing Berhad, dan Bursa Malaysia Derivatives Berhad) (secara kolektif dipanggil, "Bursa") untuk mana-mana Tujuan, termasuk tujuan undang-undang dan kawal selia, anda dengan ini bersetuju untuk pemprosesan Data Peribadi anda oleh Bursa mengikut terma notis data peribadi Bursa seperti yang disediakan di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

#### **Pendedahan Data Peribadi anda**

Data Peribadi anda disimpan oleh kami adalah sulit. Walaubagaimanapun, untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang efektif dan berterusan kepada anda, dan sebagaimana tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkenaan, kami mungkin perlu mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak berikut:

- Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Kenanga, serta ejen-ejen, rakan kongsi dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kami;
- penasihat profesional, kontraktor, pembekal perkhidmatan, agensi kutipan hutang dan ejen-ejen lain yang mempunyai perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi dan perkhidmatan kami;
- agensi rujukan kredit, agensi penarafan, penanggung insurans atau broker insurans;
- penyedia perkhidmatan kewangan berkenaan dengan produk dan perkhidmatan yang dilanggan oleh anda;
- mana-mana penggabung atau penerima hak atau penerima pindahan (termasuk bakal penggabung/penerima hak/penerima pindahan) terhadap hak-hak dan/atau kewajipan kami di bawah mana-mana transaksi di antara anda dan kami;
- mana-mana penjamin atau pemberi sekuriti/jaminan untuk produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami kepada anda;
- mana-mana pihak berkuasa atau pengawal selia, termasuk pengawal selia dari negara asing untuk melaksanakan fungsi-fungsi mereka, atau mana-mana pihak di mana pendedahan diperlukan oleh undang-undang atau kerajaan, kuasi-kerajaan, pentadbiran, mahkamah atau tribunal;
- rakan strategik/niaga dengan mana kami mempunyai hubungan untuk produk dan perkhidmatan tertentu;
- mana-mana individu yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah perjanjian anda dengan kami; dan/atau
- mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh anda dan/atau diberi kebenaran oleh anda.

#### **Komunikasi Pemasaran**

Kami juga boleh menggunakan Data Peribadi anda untuk memasarkan produk dan perkhidmatan Kumpulan Kenanga serta melaksanakan pemasaran dan periklanan yang disasarkan, mengemas kini perkhidmatan, tawaran promosi, dan untuk tujuan penjualan silang dalam Kumpulan Kenanga. Oleh itu, anda mungkin menerima komunikasi pemasaran dari kami atau Kumpulan Kenanga bagi tujuan pemasaran langsung dan aktiviti pemasaran penjualan silang. Bagi tujuan pemasaran langsung, Data Peribadi anda mungkin akan didedahkan kepada pihak ketiga, termasuk peniaga-peniaga dan rakan kongsi perniagaan strategik Kumpulan Kenanga. Anda boleh memberitahu kami pada bila-bila masa sekiranya anda enggan menerima komunikasi pemasaran daripada kami dan/atau anggota Kumpulan Kenanga dengan menulis kepada Pegawai Data yang ditetapkan, dengan memberikan nama penuh anda, nombor Kad Pengenalan/Passport (jika berkenaan), maklumat akaun anda, dan maklumat mengenai produk atau perkhidmatan yang anda mungkin anda miliki dengan kami.

Kami mungkin, dari semasa ke semasa, mempunyai maklumat berkenaan promosi, produk dan servis yang ditawarkan oleh pihak ketiga. Melainkan anda telah memilih untuk menerima bahan pemasaran berkenaan promosi, produk dan/atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga dengan menulis kepada kami, anda tidak akan menerima sebarang komunikasi pemasaran berkaitan dengan bahan pemasaran tersebut. Dengan persetujuan anda untuk menerima bahan pemasaran tersebut, anda telah memberikan kebenaran anda kepada kami untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga bagi tujuan pemasaran seperti yang dinyatakan dalam Notis PDP ini.

#### **Mengakses/Membetul/Mengemaskini Maklumat**

Anda berhak untuk menyemak semula rekod Data Peribadi yang telah dikumpulkan oleh kami dan meminta pembetulan Data Peribadi tersebut. Jika terdapat perubahan kepada Data Peribadi anda atau jika anda percaya bahawa Data Peribadi anda adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan yang terkini, sila tulis kepada Pegawai Data kami dengan menyatakan butiran permintaan anda serta nama dan nombor Kad Pengenalan/Passport anda, atau anda boleh membuat permohonan kepada kami melalui Borang Permohonan

Akses/Kemas Kini/Pembetulan Data ('Data Access/Update/Correction Request Form'). Caj akan mungkin dikenakan untuk perkhidmatan ini. Kami akan membetulkan atau mengemas kini maklumat/data tersebut secepat mungkin. Pegawai Data mungkin meminta maklumat atau dokumen daripada anda untuk pengesahan keaslian individu yang membuat permohonan dan sebarang maklumat berkenaan dengan pembetulan/pengemaskinian yang diminta.

#### **Penghapusan dan Sekatan terhadap pemprosesan**

Kami membenarkan anda untuk mengeluarkan diri anda dan sebarang maklumat mengenai anda (kecuali maklumat yang perlu dikekalkan oleh kami bagi mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan, tujuan penyimpanan, atau jika ada alasan yang sah di bawah undang-undang untuk berbuat demikian, seperti tuntutan undang-undang, dll.) daripada pangkalan data kami atau meminta kami untuk menghentikan pemprosesan seluruh atau sebahagian Data Peribadi anda dengan mengemukakan notis bertulis yang dialamatkan kepada Pegawai Data kami. Kami akan memerlukan masa yang munasabah untuk memproses notis tersebut. Sila ambil perhatian bahawa selepas menghapuskan Data Peribadi anda, kami berkemungkinan tidak dapat menyediakan tahap perkhidmatan yang sama kepada anda kerana kami tidak akan mengetahui pilihan anda.

Kami berhak untuk mengambil tindakan yang diperlukan sekiranya kami berpandangan penghapusan atau penghentian sedemikian, tidak membenarkan kami untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kami atau memenuhi tanggungjawab kami dengan cara yang memuaskan. Ini termasuk hak kami untuk menolak untuk menyediakan atau menghentikan penyediaan kemudahan, produk atau perkhidmatan kami kepada anda.

Di mana anda telah meminta kami untuk menghapuskan Data Peribadi anda yang kami telah nyatakan kepada umum dan terdapat alasan yang sah untuk penghapusan, kami akan menggunakan langkah-langkah yang munasabah dan kos efektif untuk memberitahu pihak lain yang memaparkan Data Peribadi anda atau memberikan pautan terhadap Data Peribadi anda untuk menghapuskan Data Peribadi anda juga.

#### **Mudah Alih**

Anda mempunyai hak untuk menerima Data Peribadi yang telah anda berikan kepada kami dalam format yang tersusun, biasa digunakan, dan boleh dibaca oleh mesin serta hak untuk meminta kami untuk memindahkan Data Peribadi tersebut kepada pihak yang lain.

Sekiranya anda ingin kami memindahkan Data Peribadi anda kepada pihak yang lain, kami hanya boleh berbuat demikian di mana penghantaran tersebut boleh dilaksanakan secara teknikal. Kami tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan Data Peribadi atau pemprosesannya selepas diterima oleh pihak ketiga. Kami juga mungkin tidak akan memberikan anda beberapa Data Peribadi sekiranya penyediaan tersebut melibatkan hak orang lain (contohnya, jika penyediaan Data Peribadi anda yang kami miliki akan mendedahkan maklumat tentang pihak lain).

#### **Pemprofilan**

Kami memproses beberapa Data Peribadi anda secara automatik dengan tujuan menilai beberapa aspek peribadi ('profiling'). Sebagai contoh, kami menggunakan 'profiling' disebabkan oleh beberapa keperluan undang-undang dan kawal selia, untuk melawan pengubahan wang haram, pembentukan keganasan, penipuan, penilaian risiko dan kesalahan yang membawa ancaman kepada harta benda.

#### **Pertanyaan dan Aduan**

Anda berhak untuk memberi bantahan pada bila-bila masa terhadap pemprosesan Data Peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung, dan terhadap pemprofilan berkaitan pemasaran langsung dan setakat yang dibenarkan di bawah Peraturan Perlindungan Data Umum EU ('EU General Data Protection Regulations (GDPR)'), dan pemprosesan Data Peribadi anda untuk Tujuan. Sebarang pertanyaan, permintaan, kebimbangan, aduan atau perlaksanaan hak anda berkenaan dengan penggunaan Data Peribadi anda boleh diajukan kepada Pegawai Data yang berkenaan seperti yang dinyatakan di bawah:

Pegawai Data  
Kenanga Investment Bank Berhad,  
Aras 17, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2172 2888  
Email: [complaints@kenanga.com.my](mailto:complaints@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Futures Sdn Bhd,  
Aras 6, Kenanga Tower,  
Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-21722681  
Email: [kdfcomplaints@kenanga.com.my](mailto:kdfcomplaints@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Investors Berhad,  
Aras 14, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Talian Bebas Tol: 1-800-88-3737  
Email: [investorservices@kenanga.com.my](mailto:investorservices@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Islamic Investors Berhad,  
Aras 14, Kenanga Tower,

237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Talian Bebas Tol : 1-800-88-3737  
Email: [investorservices@kenanga.com.my](mailto:investorservices@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Capital Sdn Bhd,  
Aras 11, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-21722888  
Email: [capitalDO@kenanga.com.my](mailto:capitalDO@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
EQ8 Capital Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai i-VCAP Management Sdn Bhd)  
Level 13, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2172 2888  
Email: [faezah@kenanga.com.my](mailto:faezah@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Trustees Berhad (dahulunya dikenali sebagai Kenanga Funds Berhad)  
Level 13, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2172 2888  
Email: [trustees@kenanga.com.my](mailto:trustees@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Digital Sdn Bhd  
Level 12, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2172 2888  
Email: [ian@kenanga.com.my](mailto:ian@kenanga.com.my)

Untuk permohonan, penggunaan, atau meneruskan penggunaan perkhidmatan kami, termasuk sebarang hubungan kontrak lain yang anda mempunyai dengan kami, anda dianggap telah menerima dan bersetuju dengan terma Notis PDP ini. Jika anda tidak bersetuju kepada terma di sini, sila hubungi kami melalui maklumat perhubungan yang telah dinyatakan di atas.

#### **E-Perkhidmatan**

Dengan ini, anda bersetuju untuk penghantaran Data Peribadi anda secara elektronik melalui E-Perkhidmatan kami. Persetujuan ini akan berkuat kuasa sepanjang tempoh anda mengakses atau menggunakan E-Perkhidmatan.

#### **Perubahan Notis PDP Kami**

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin mengemaskinikan Notis PDP ini dari semasa ke semasa melalui pengeposan di laman web kami. Anda dinasihatkan untuk melawat laman web kami secara berkala untuk semakan sebarang pindaan Notis PDP yang telah dikemaskini atau/dan versi terbaru. Penggunaan berterusan perkhidmatan kami atau hubungan berterusan dengan kami akan dianggap sebagai penerimaan terhadap sebarang kemas kini, semakan, atau pindaan yang dilakukan kepada Notis PDP kami.

Notis PDP ini terakhir dikemaskini pada Mei 2024.

#### **Penggunaan Bahasa**

Notis ini telah diterbitkan dwi bahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara kedua-dua versi ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

#### **Kebenaran dan Pengakuan**

Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada kami, anda dengan ini memberikan kebenaran untuk menggunakan, memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda berdasarkan Notis PDP ini.

#### **Jika anda adalah sebuah syarikat (bukan individu)**

Sekiranya anda telah memberi/mendedahkan Data Peribadi individu pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah-pengarah, pemegang-pemegang saham individu, pekerja-pekerja, penandatangan yang diberi kuasa, ejen-ejen, wakil atau mana-mana pihak lain yang berkaitan, anda dengan ini mewakili dan memberi jaminan kepada kami bahawa anda telah mendapatkan persetujuan dari pihak ketiga tersebut dan anda berhak untuk memberikan Data Peribadi pihak ketiga tersebut kepada kami bagi tujuan penggunaan kami, pemprosesan, dan/atau pendedahan berdasarkan Notis PDP ini.